

24 SEP 2002

CUEPACS SAMBUT BAIK BONUS DIBUAT DUA BAYARAN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik keputusan kerajaan membayar bonus dalam dua bayaran iaitu pada Oktober dan Disember ini kepada hampir 950,000 kakitangan awam.

Presidennya Datuk N.Siva Subramaniam berkata dua bayaran itu akan membantu kakitangan kerajaan terutama perbelanjaan menghadapi persekolahan 2003.

"Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan. Kakitangan kerajaan mesti bersyukur dan mereka juga harus berjanji bekerja lebih bersemangat membantu kerajaan melaksanakan dasar-dasarnya," katanya ketika menghubungi Bernama di sini.

Siva juga berkata bayaran satu bulan bonus atau minimum RM1,200 itu adalah kira-kira dua bulan gaji bagi 300,000 kakitangan sokongan kedua.

Mengenai pembayaran bonus bagi pesara, Siva berkata Cuepacs akan berbincang dengan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan pendekatan terbaik dalam perkara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2003 Jumaat lepas mengumumkan bahawa kerajaan akan membayar bonus berdasarkan satu bulan gaji dengan minimum RM1,200 kepada semua kakitangan awam.

-- BERNAMA

RV RV NAK